

# Pesawah rayu bantuan tanam semula padi

um 28/10/2006

Oleh SHARIZA ABDULLAH

ALOR STAR 27 Okt. – Belum pun sempat peluh kering selepas membajak dan menanam benih padi, pesawah di negeri ini diimpa nasib malang apabila tanaman mereka musnah sama sekali akibat banjir yang melanda beberapa daerah di Kedah dan Perlis sejak seminggu lalu.

Apa yang terdaya dilakukan oleh pesawah tersebut hanyalah mengeluh di samping merayu pihak bertanggungjawab agar memberikan bantuan sewajarnya bagi membela nasib mereka.

Ini kerana kerugian yang dialami bukanlah sedikit, malah mereka juga sudah kehabisan modal untuk menanam semula padi berkenaan memandangkan ada antara pesawah itu baru memulakan kerja menanam kira-kira sebulan lalu.

Lebih memeritkan, proses menanam padi bagi musim akan datang dijangka hanya bermula pada April tahun depan.

Seorang pesawah, **Arof Awang**, 60, dari Kampung Lubuk Keriang, Pokok Sena dekat sini memberitahu, dia kehilangan punca pendapatan untuk menampung kehidupannya sekeluarga selepas padi di sawahnya seluas lima relung musnah akibat bencana alam itu.

Arof yang sudah lebih 30 tahun menjadi pesawah berkata, kerugian yang dialami mencecah angka ribuan ringgit.

“Modal sudah banyak dikeluarkan untuk penanaman kali ini. Kalau tiada bantuan diberikan secepat mungkin, mana saya hendak cari sumber kewangan untuk menanam semula padi selepas keadaan pulih nanti?”

“Tak tahulah saya nak buat macam mana lagi. Mungkin saya kena berhutang dengan tauke padi bagi mendapatkan semula modal,” katanya dalam nada sedih ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

*Utusan Malaysia* hari ini melaporkan lebih 16,000 hektar sawah padi di Kedah musnah akibat ditenggelami air berikutan banjir memabitkan kerugian kira-kira RM4.7 juta.

Ia meliputi kira-kira 10,000 hektar sawah dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan 6,155 hektar lagi di luar kawasan Mada milik kira-kira 8,000 petani.

Tiga daerah di Kedah iaitu Kota Star, Kubang Pasu dan Pendang dilanda banjir sejak seminggu lalu menyebabkan banyak sawah di situ ditenggelami air.

Difahamkan, rata-rata padi yang ditenggelami air itu berusia antara 15 dan 40 hari dan

sekiranya sawah itu telah ditenggelami air selama tiga hari berturut-turut, tanaman itu akan rosak.

Kesulitan itu turut dikongsi oleh seorang lagi petani, **Ramli Ishak**, 48, yang kerugian hampir RM16,000 selepas padinya yang berusia kira-kira sebulan musnah ditenggelami air.

“Satu relung saya kerugian lebih kurang RM800 ringgit termasuk kos membajak dan baja. Bayangkan berapa kerugian yang saya alami selepas kesemua 20 relung padi yang diusahakan musnah.

“Saya memang tidak tahu melakukan kerja lain kerana sejak muda saya sudah mengusahakan padi. Mahu tidak mahu saya kena berhutang juga dengan tauke padi untuk menanam semula padi berkenaan.

“Saya memang sudah kehabisan modal dan selepas ini peruntukan belanja harian pun saya mungkin perlu berhutang,” katanya yang sudah 20 tahun menjadi pesawah.

Seorang lagi pesawah, **Zulkifli Samsu**, 47, dari Kampung Gulau, Pokok Sena dekat sini memberitahu, apa yang dibimbangkan ialah kehilangan hasil tanaman padi itu boleh menjejaskan persiapan persekolahan empat orang anaknya.

“Hasil tanaman padi yang rosak itu boleh digunakan untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak terutama kerana tahun baru akan menjelang kira-kira dua bulan lagi.

“Bila banyak padi rosak, saya kena cari ikhtiar lain. Inilah yang merunsingkan kepala saya kerana selama ini saya memang bergantung harap kepada hasil tanaman ini,” kata Zulkifli sambil menjelaskan dia mempunyai dua anak yang masing-masing belajar di sekolah rendah dan menengah.

Zulkifli yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kampung (JKKK) menganggarkan 1,000 relung kawasan padi musnah memabitkan kira-kira 100 pesawah di kampung tersebut.

Dalam pada itu, seorang lagi pesawah, **Awang Hussin**, 71, yang mempunyai 10 relung sawah berkata, tanaman padi yang diusahakannya sehingga kini masih ditenggelami air.

Namun dia masih menaruh harapan air surut untuk menuai padi yang masih hidup.

“Walaupun hasil yang diperoleh nanti jauh berkurang kerana banyak padi rosak dan mutunya terjejas, namun saya tetap berharap akan dapat untung kerana bersawah padi satu-satunya sumber pendapatan saya,” katanya yang sudah 50 tahun bersawah padi.



**RAMLI Ishak** menunjukkan pokok padinya yang musnah ditenggelami banjir di Kampung Lubuk Keriang, Pokok Sena, Kedah, semalam.



**ZULKIFLI Samsu** merenung sawahnya yang ditenggelami banjir di Kampung Gulau, Pokok Sena, Kedah.



**BERAYA DALAM BANJIR...** CHE Yam Yunus melayan tetamunya yang beraya di rumahnya di Jalan Tunku Putra, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang, semalam.